



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK MUHAMMAD AZMAN BIN NAWI

**PEMANDU KERETAPI TREN ELECTRIC TRAIN SERVICE DI STESEN
KERETAPI GEMAS NEGERI SEMBILAN**

MUHD LUQMAN NURHAKIM BIN A.IDRUS

2019353485

MUHD ASYRAF NAJMI BIN R AZMI

2019353303

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC – OGOS 2020

SENARAI ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	M/S
I	Abstrak	i
II	Penghargaan	ii
III	Senarai Abreviasi	iii
IV	Senarai Singkatan	iv
V	Rujukan Kata	v
	Biodata Penemubual	
1.0	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
	Biodata Tokoh	
2.0	2.1 Biodata Tokoh	4
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	
	Sejarah Lisan	
3.0	3.1 Pengenalan	7
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	
	Kajian Literatur	
4.0	4.1 Topik 1	12
	4.2 Topik 2	

BIL.	ISI KANDUNGAN	M/S
5.0	Transkrip Tembual Bersama Tokoh	17
6.0	Log Temubual	74
7.0	Ralat	85
8.0	Glosari	87
9.0	Indeks	92
10.0	Bibliografi	96
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	
	11.2 Surat Perjanjian	98
	11.3 Senarai Soalan	
	11.4 Diari Penyelidikan	
	11.5 Gambar	

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang peristiwa -peristiwa bersejarah KTMB (Keretapi Tanah Melayu Berhad) iaitu KTMB Gemas yang terletak di Negeri Sembilan. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung di sebalik penubuhan sesuatu stesen keretapi itu, pasti ada peristiwa atau cerita disebaliknya. Seorang tokoh yang telah lama berkhidmat di stesen KTMB Gemas serta mempunyai banyak pengalaman tentang peristiwa-peristiwa bersejarah serta cerita-cerita yang tidak diketahui orang awam tentang stesen KTMB Gemas tersebut dapat berkongsi serba sedikit tentang maklumat-maklumat tersebut. Selain menyentuh cerita dan peristiwa yang pernah berlaku di sebalik stesen tersebut, pengalaman – pengalaman yang dihadapi sendiri tokoh tersebut juga dapat diceritakan sepanjang beliau berkhidmat Bersama KTMB ini. Pengalaman manis pahit beliau selama berkhidmat di samping peristiwa-peristiwa bersejarah dapat dikongsi dan dirungkaikan dalam transkrip ini. Implikasi kajian tentang stesen tersebut terutama kepada para pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang dan akan datang dapat mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di stesen KTMB tersebut.

KATA KUNCI:

KTMB, Peristiwa bersejarah, pengalaman, stesen, keretapi

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas ini dengan penuh jayanya. Pertama sekali kami, Muhd Luqman Nurhakim dan Muhd Asyraf Najmi ingin menjulang sepenuh penghargaan kepada Encik Azman Bin Nawikerana sudi bekerjasama dengan kami bagi melunaskan tugas kami dan meluangkan masanya untuk ditemubual bersama kami. Banyak maklumat yang kami dapat dan kami pelajari sepanjang menyiapkan tugas ini

Tidak lupa juga kepadapensyrah Puan Siti Noorsiah Bt Jamaludin selaku pensyarah untuk subjek Oral Documentation IMR 604 ini. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan banyak membantu sepanjang proses menyiapkan kertas cadangan ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami yang sama-sama bertungkus-lumus dalam menghasilkan kertas cadangan ini dan juga sudi bertukar-tukar idea dalam membantu kami menyiapkan tugas ini. Kami turut bersyukur dengan izin-Nya kami mendapat sokongan, bimbingan dan dorongan bertersusan daripada semua pihak untuk kami melaksanakan projek kami ini. Akhir kalam, kami mengharapkan hasil kajian kami akan membantu para pembaca memahami selok belok sejarah tren KTMB terutamanya KTMB Cawangan Gemas.